

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 30 Jun 2021



## KENYATAAN MEDIA

### INDEKS HARGA PENGELOUAR (IHPR) PENGELOUARAN TEMPATAN MALAYSIA MEI 2021

#### IHPR untuk Pengeluaran Tempatan naik 11.9% pada Mei 2021

**PUTRAJAYA, 30 Jun 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan bagi bulan Mei 2021. Pada Mei 2021, tingkat IHPR pengeluaran tempatan berada pada paras ketinggian baharu iaitu 111.6 mata indeks setelah mencatatkan peningkatan 11.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, “Peningkatan ini didorong oleh peningkatan ketara dalam produk industri utama yang mendorong kepada lonjakan dalam indeks Perlombongan (68.5%) dan Pertanian, perhutanan & perikanan (60.0%). Di samping itu, indeks Pembuatan yang dipengaruhi oleh kenaikan harga komoditi utama dan komoditi berkaitan pembinaan turut menunjukkan peningkatan signifikan (5.0%). Indeks bagi sektor utiliti iaitu Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas juga menunjukkan peningkatan masing-masing 1.5 peratus dan 0.1 peratus.”

Jelas beliau lagi, “Bagi perbandingan bulanan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 1.0 peratus pada Mei 2021 berbanding 0.8 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh indeks Perlombongan (2.1%), diikuti oleh Pertanian, perhutanan & perikanan (2.0%), Pembuatan (0.7%), Bekalan elektrik & gas (0.7%) dan Bekalan air (0.1%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan IHPR mengikut peringkat pemprosesan. Pada bulan Mei 2021, semua peringkat pemprosesan mencatatkan kenaikan harga.

Indeks bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 53.6 peratus. Indeks bahan, perantaraan, bekalan & komponen juga meningkat 6.9 peratus. Seterusnya, dengan harga bahan mentah dan perantaraan yang lebih tinggi, indeks Barang siap naik 0.2 peratus terutamanya melibatkan barang pengguna yang hasilnya akan dilihat dalam Indeks Harga Pengguna bulanan masa akan datang.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 JUN 2021**

*Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 30<sup>th</sup> June 2021*



## **MEDIA STATEMENT**

### **FOR MALAYSIA PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION MAY 2021**

#### ***PPI for local production increased 11.9% in May 2021***

**PUTRAJAYA, 30<sup>th</sup> June 2021 –** Department of Statistics, Malaysia has released the report on Producer Price Index (PPI) local production for May 2021. In May 2021, the PPI local production level stood at a new high (111.6 index points) after registering an increase of 11.9 per cent as compared to the same period last year.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted, “The incline was driven by the substantial increase in primary industry products which led to the spike of Mining (68.5%) and Agriculture, forestry & fishing (60.0%) indices. Additionally, the Manufacturing index, which was influenced by the rise in primary and construction-related commodities prices, also showed a significant increase (5.0%). Utility indices comprised of Water supply and Electricity & gas supply also increased by 1.5 per cent and 0.1 per cent respectively.”

He added that, “On a monthly basis, the PPI local production rose 1.0 per cent in May 2021 as compared to 0.8 per cent in the previous month. The increase was supported by the index of Mining (2.1%), followed by Agriculture, forestry & fishing (2.0%), Manufacturing (0.7%), Electricity & gas supply (0.7%) and Water supply (0.1%).”

The Department of Statistics Malaysia also reported the PPI local production by stage of processing. In May 2021, all stages of processing recorded an increase in price. The index of Crude materials for further processing rose 53.6 per cent. The index of Intermediate materials, supplies & components also increased 6.9 per cent. Subsequently, with the higher price in raw and intermediate materials, the Finished

*goods index edged up 0.2 per cent mainly involves consumer goods which as a result may reflect in upcoming Monthly Consumer Price Index.*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
30<sup>th</sup> JUNE 2021**